

26/05/1998

200 hektar untuk pusat R&D tanaman herba

SUNGKAI, Isnin - Kerajaan negeri akan memperuntukkan kawasan seluas 200 hektar untuk dijadikan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menyokong projek tanaman herba secara komersil yang dilaksanakan di sini setahun lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata pusat R&D itu akan dimajukan apabila keseluruhan projek percubaan tanaman herba seluas 200 hektar di Sungai Klah di sini, dan 20 hektar lagi di Sungai Selinsing, dekat Tapah menunjukkan kejayaan.

"Bidang penanaman herba secara komersil ini masih baru diteroka dan permulaan projek yang dilaksanakan di kedua-dua kawasan sudah menampakkan kejayaan.

"Bagi menyokong usaha berkenaan agar lebih berjaya, kita perlu wujudkan sebuah pusat penyelidikan dan kerajaan akan mengenal pasti sebuah lagi kawasan seluas 200 hektar untuk tujuan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas melawat projek tanaman herba Sungai Klah, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Datuk Ramly Zahari; Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian dan Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Seri Junus Wahid dan Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST), Datuk A Kadir Jasin.

Ramli diberi taklimat mengenai projek itu oleh Pengurus Global Herba Sdn Bhd (Global Herba), Zabidi Nawawi.

Ramli berkata, penanaman herba perlu dikomersilkan kerana ia menjadi bahan penting dan mendapat permintaan tinggi untuk tujuan perubatan, makanan, haruman dan industri barangan pengguna yang lain.

Global Herba ditubuhkan hasil usaha sama antara Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Bank Pertanian. Ia ditubuhkan pada 1996 bagi mengusahakan tanaman herba secara komersil.

Kerajaan negeri memperuntukkan RM1 juta bagi melaksanakan projek itu.

Sementara itu, Zabidi ketika ditemui berkata, keluaran sulung projek itu membabitkan empat jenis herba akan dijual kepada sebuah kilang ubat tradisional di Perlis mulai bulan depan.

Menurutnya, antara herba yang sudah sedia untuk dituai termasuk serai wangi, nilam, kesum dan naga buana.

Katanya, sebagai permulaan Global Herba akan membekalkan hasil herba yang mentah kepada kilang terbabit dan merancang memprosesnya terlebih dahulu agar nilainya lebih tinggi pada masa depan.

"Untuk tujuan itu, kita bercadang menyewa alat untuk memproses herba daripada Institut Pembangunan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (Mardi)," katanya.

Perak meneroka kegiatan penanaman herba sebagai menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kegiatan berkenaan diusahakan secara komersil.

(END)